

SOALAN NO. 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN ISMAIL [
KUALA KEDAH]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan bersedia untuk melakukan segala pembaikan yang diperlukan untuk memastikan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) benar-benar bebas dan adil, terutamanya di dalam melakukan proses persempadanan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menyatakan bahawa 3 fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) adalah seperti berikut:

- (a) Membuat kajian dan persempadanan semula Bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri tidak kurang daripada 8 tahun selepas tarikh siapnya urusan kajian dan persempadanan semula yang terdahulu;
- (b) Menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar pemilih; dan
- (c) Menjalankan pilihan raya umum ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dan menjalankan pilihan raya kecil sekiranya berlaku kekosongan.

Buat masa ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk meminda apa-apa tugas dan peranan sedia ada SPR yang merupakan sebuah badan bebas yang menjalankan fungsi seperti mana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Bagi urusan kajian semula persempadanan yang sedang dijalankan pada masa ini, SPR dilihat mampu dan berupaya melaksanakan

tanggungjawab mereka sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 113 dan Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dengan baik dan sempurna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sekiranya ada mana-mana pihak yang berkelayakan di bawah Perlembagaan Persekutuan mempunyai apa-apa representasi atau bantahan mengenai syor persempadanan yang dikemukakan oleh SPR, pihak tersebut bolehlah berbuat demikian semasa tempoh pameran namun ia perlu dikemukakan secara rasmi mengikut saluran dan tatacara yang ditetapkan dalam Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.